

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 29 / 12 / 2007

PM kutuk pembunuhan Benazir

Oleh NOR ZAINAH NORDIN

PUTRAJAYA 28 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau amat terkejut dengan pembunuhan bekas Perdana Menteri Pakistan, Benazir Bhutto dan mengutuk perbuatan kejam tersebut yang turut membunuh ramai mangsa yang tidak bersalah.

Abdullah yang mengucapkan takziah kepada keluarga Benazir dan mangsa-mangsa lain yang terbunuh mahu melihat penjenayah yang melakukan perbuatan kejam itu dibawa ke muka pengadilan.

"Saya amat terkejut mendengar berita bahawa Benazir Bhutto terbunuh ketika berkempen untuk pilihan raya di Pakistan. Saya mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan kejam yang turut membunuh ramai orang yang tidak bersalah.

"Tragedi ini merupakan satu perkara yang sungguh menyedihkan. Perbuatan melampau dan ganas seperti itu tidak boleh diterima sama sekali walau di mana sekalipun ia berlaku, tidak kira masa dan tempat," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Abdullah berharap rakyat Pakistan berenang dan beliau berdoa situasi di negara

tersebut akan stabil dengan segera.

Semalam, Benazir, 54, terbunuh dalam satu serangan berani mati yang turut mengorbankan kira-kira 20 penyokongnya selepas menyampaikan ceramah kempen pilihan raya di Rawalpindi.

Benazir dilaporkan ditembak di leher dan dada ketika memasuki kenderaannya.

Beliau disahkan meninggal dunia pada pukul 5.25 petang (8.25 malam waktu Malaysia) di Hospital Umum Rawalpindi.

Ketika itu beliau baru sahaja selesai menyampaikan ceramah kepada beribu-ribu penyokong dan sedang berjalan ke arah kenderaannya apabila seorang lelaki menghampiri Benazir dan melepaskan tembakan sebelum meletupkan dirinya.

Pembunuhan itu yang berlaku dua bulan selepas Benazir, yang pernah menjadi Perdana Menteri Pakistan sebanyak dua kali dan merupakan wanita pertama memegang jawatan tersebut, kembali ke Pakistan untuk bergiat semula dalam politik.

Kejadian itu merupakan serangan kedua ke atas beliau sejak pulang daripada tinggal dalam buangan di Britain pada Oktober lalu.

Dalam serangan 19 Oktober lalu, lebih 138 orang terbunuh ketika berarak menyambut kepulangan Benazir.

UM - 29/12/2007



TERKINI... Warga Pakistan melihat gambar-gambar tragedi pembunuhan bekas Perdana Menteri Pakistan Benazir Bhutto yang disiarkan di akhbar-akhbar tempatan di Kuala Lumpur, semalam.

- Bernama

LEADERSHIP
FOUNDATION
PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION